

APLIKASI KONSEP KECERDASAN SOSIAL IBNU KHALDUN DAN DANIEL GOLEMAN DALAM KALANGAN PENTADBIR AKADEMIK DI SEBUAH UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

Azlan Awang, Rahimi MD Saad
Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya
Universiti Malaya

23056957@um.edu.my

*Dihantar: 12.09.25 / Diterima:
12.09.25 Received date: yyy / Accepted
date: 30.12.25*

Kajian ini menilai tahap aplikasi kecerdasan sosial berdasarkan konsep 'Asabiyyah Ibnu Khaldun dan model kecerdasan sosial Daniel Goleman dalam kalangan pentadbir akademik di sebuah universiti awam Malaysia. Seramai 128 responden terlibat dalam kajian kuantitatif ini menggunakan soal selidik berstandard. Analisis deskriptif menunjukkan tahap aplikasi kecerdasan sosial berada pada kategori tinggi dan sangat tinggi bagi kedua-dua model. Analisis korelasi mendapati wujud hubungan signifikan antara kecerdasan sosial Ibnu Khaldun ($r = .567, p < .001$) dan Goleman ($r = .613, p < .001$) terhadap keberkesanan pentadbiran akademik. Seterusnya, analisis regresi berganda menunjukkan kedua-dua model menyumbang 43.4% varians keberkesanan pentadbiran ($R^2 = .434$). Kajian ini membuktikan bahawa integrasi nilai kolektif Islam dan teori kecerdasan sosial moden mampu memperkukuh keberkesanan pentadbiran akademik secara lebih holistik, inklusif dan empatik. Dalam konteks pentadbiran akademik di institusi pengajian tinggi, kemampuan pemimpin untuk mengurus hubungan sosial, komunikasi, emosi serta dinamika organisasi adalah tunjang kepada keberkesanan kepimpinan. Kecerdasan sosial menjadi antara pembolehubah psikologi paling kritikal dalam menentukan kualiti pengurusan, budaya kerja dan keharmonian organisasi universiti. Dua model penting yang dijadikan asas kajian ini ialah konsep 'Asabiyyah oleh Ibnu Khaldun dan model kecerdasan sosial oleh Daniel Goleman. Konsep 'Asabiyyah menekankan kekuatan kolektif, solidariti, semangat berpasukan, kesetiaan dan perpaduan sebagai asas pembentukan masyarakat dan organisasi yang stabil.

Kata kunci : Kecerdasan sosial, keberkesanan pentadbiran akademik, pentadbir akademik.

This study examines the level of application of social intelligence based on Ibn Khaldun's concept of 'Asabiyyah and Daniel Goleman's social intelligence model among academic administrators at a Malaysian public university. A total of 128 respondents participated in this quantitative study using a standardized questionnaire. Descriptive analysis indicates that the level of social intelligence application falls within the high and very high categories for both models. Correlation analysis reveals a significant relationship between Ibn Khaldun's social intelligence ($r = .567, p < .001$) and Goleman's model ($r = .613, p < .001$) with the effectiveness of academic administration. Furthermore, multiple regression analysis shows that both models collectively explain 43.4% of the variance in administrative effectiveness ($R^2 = .434$). The study demonstrates that integrating Islamic collective values with modern social intelligence theory can strengthen academic administrative effectiveness in a more holistic, inclusive, and empathetic manner. In the context of academic administration in higher education institutions, leaders' ability to manage social relationships, communication, emotions, and organizational dynamics is central to leadership effectiveness. Social intelligence thus emerges as one of the most critical psychological variables in determining the quality of management, work culture, and organizational harmony within universities. Two key models underpinning this study are Ibn Khaldun's concept of 'Asabiyyah and Daniel Goleman's social intelligence model. The concept of 'Asabiyyah emphasizes collective strength, solidarity, team spirit, loyalty, and unity as the foundation for building stable societies and organizations.

Keywords: Social intelligence, academic administrative effectiveness, academic administrators.

Pengenalan

Penjawat awam di Malaysia memainkan peranan penting dalam melaksanakan dasar kerajaan dan memastikan keberkesanan sistem pentadbiran negara. Sehingga tahun 2023, seramai 1.439 juta individu berkhidmat dalam sektor awam, termasuk sektor pendidikan yang mencatat jumlah kakitangan yang tinggi. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan universiti awam khususnya menjadi nadi kepada pembangunan modal insan dan kelestarian sistem pendidikan tinggi negara. Pentadbiran akademik di universiti awam melibatkan peranan kepimpinan, pengurusan sumber manusia, kualiti akademik, sokongan pelajar serta hubungan organisasi yang kompleks dan dinamik. Malaysia mempunyai 20 universiti awam yang terdiri daripada universiti penyelidikan, komprehensif dan teknikal, dengan kepelbagaian latar belakang pelajar dan warga akademik. Keadaan ini menuntut pentadbir akademik memiliki kompetensi


profesional yang bukan sahaja bersifat teknikal, tetapi turut merangkumi kemahiran sosial, komunikasi dan pengurusan hubungan interpersonal. Kajian lepas menegaskan bahawa kecerdasan sosial merupakan elemen penting dalam keberkesanan kepimpinan dan pentadbiran akademik. Konsep 'Asabiyyah oleh Ibnu Khaldun menekankan semangat kolektif, solidariti dan perpaduan sosial, manakala model kecerdasan sosial Daniel Goleman menumpukan kebolehan memahami dan mengurus hubungan sosial secara berkesan. Integrasi kedua-dua konsep ini diyakini mampu membentuk kerangka holistik bagi memperkukuh peranan dan keberkesanan pentadbir akademik dalam menghadapi cabaran organisasi pendidikan tinggi moden.

Objektif Kajian:

1. Mengenalpasti tahap aplikasi kecerdasan sosial berdasarkan konsep 'Asabiyyah Ibnu Khaldun dan kecerdasan sosial Daniel Goleman dalam kalangan pentadbir akademik

2. Mengkaji sejauhmana hubungan antara kecerdasan sosial berdasarkan konsep '*Asabiyyah* Ibn Khaldun dan Kecerdasan Daniel Goleman dengan keberkesanan pentadbiran akademik
3. Mengenalpasti pengaruh Kecerdasan Sosial Ibnu Khaldun dan Kecerdasan Sosial Daniel Goleman keatas pentadbiran akademik.

Kerangka Konsep:



Sumber : Ibnu Khaldun (2023) dan Daniel Goleman (2006)

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif bagi menilai tahap aplikasi kecerdasan sosial dalam kalangan pentadbir akademik di sebuah universiti awam di Malaysia. Reka bentuk kajian yang dipilih ialah kajian tinjauan secara rentas (cross-sectional survey), yang bertujuan memperoleh gambaran menyeluruh tentang sikap, pandangan dan amalan responden pada satu tempoh masa tertentu. Pemilihan reka bentuk ini selaras dengan objektif kajian serta amalan penyelidikan sains sosial yang menekankan pengumpulan data secara sistematik dan berstruktur. Data dikumpulkan menggunakan instrumen soal selidik berstandard yang diedarkan secara atas talian bagi memudahkan capaian responden serta mempercepatkan proses pengumpulan data. Kaedah ini membolehkan penyelidik memperoleh data secara langsung dan cekap, sekali gus meningkatkan keberkesanan analisis terhadap populasi kajian. Analisis statistik digunakan untuk menghuraikan tahap pemboleh ubah serta mengenal pasti hubungan antara kecerdasan sosial dan keberkesanan pentadbiran akademik. Populasi kajian terdiri daripada pentadbir akademik yang berkhidmat dalam skim perkhidmatan berkaitan di universiti yang dikaji. Penentuan saiz sampel dibuat berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970). Daripada populasi seramai 195 orang, seramai 128 responden terlibat dalam kajian ini, melebihi saiz minimum yang disarankan. Jumlah ini mencukupi untuk memastikan kebolehpercayaan dan kesahan dapatan kajian serta menyokong generalisasi hasil penyelidikan.

Dapatan

Dapatan kajian ini diperoleh daripada 128 responden pegawai tadbir akademik di sebuah universiti awam Malaysia. Kesemua borang soal selidik lengkap (missing data = 0), menjadikan

analisis lebih kukuh serta memenuhi keperluan minimum saiz sampel menurut Krejcie dan Morgan. Dari sudut demografi, taburan jantina adalah seimbang dengan 62 lelaki (48.4%) dan 66 perempuan (51.6%). Majoriti responden berumur 40–49 tahun (59.4%), diikuti 50 tahun ke atas (19.5%), menunjukkan dominasi kumpulan kerjaya matang. Dari segi bidang tugas, responden paling ramai daripada skim Pentadbiran (67.2%), diikuti Sains (11.7%) dan Kewangan (10.9%). Kebanyakan responden berkhidmat lebih 15 tahun (61.7%), manakala tahap pendidikan didominasi Sarjana Muda (81.3%). Bagi tahap aplikasi kecerdasan sosial berasaskan integrasi konsep '*Asabiyyah* Ibnu Khaldun dan model Daniel Goleman, dapatan deskriptif menunjukkan tahap yang sangat tinggi dengan purata keseluruhan min $M = 4.45$. Item tertinggi ialah budaya tolong-menolong dan saling mempercayai ($M = 4.80$), manakala item terendah ialah meletakkan matlamat organisasi mengatasi kepentingan diri ($M = 4.16$), menunjukkan ruang penambahbaikan pada aspek altruistik dan orientasi kolektif. Mengikut dimensi, '*Asabiyyah* (B1–B10) merekodkan min purata $M = 4.63$, menonjolkan kekuatan solidariti, perpaduan dan semangat berpasukan. Dimensi Goleman (B11–B20) juga tinggi ($M = 4.40$), khususnya pada komunikasi terbuka dan keprihatinan kebajikan, namun kemahiran pengaruh sosial dan kepekaan bukan lisan mencatat skor sedikit lebih rendah.

Tahap keberkesanan pentadbiran akademik turut berada pada kategori tinggi–sangat tinggi (purata min $M = 4.44$). Item tertinggi ialah kebebasan staf mengutarakan pendapat ($M = 4.56$), manakala komunikasi pentadbir–pensyarah mencatat min terendah ($M = 4.29$), menunjukkan komunikasi dua hala masih boleh diperkukuh. Ujian-t menunjukkan tiada perbezaan signifikan tahap kecerdasan sosial antara jantina ($p > 0.05$). Analisis korelasi Pearson pula membuktikan hubungan positif signifikan antara kecerdasan sosial '*Asabiyyah* dengan keberkesanan pentadbiran ($r = .567$, $p < .001$) dan kecerdasan sosial Goleman ($r = .613$, $p < .001$). Analisis regresi berganda menunjukkan kedua-dua model menyumbang 43.4% varians keberkesanan pentadbiran ($R^2 = .434$), dengan sumbangan dominan daripada Goleman ($\beta = .426$) berbanding Ibnu Khaldun ($\beta = .304$). Secara keseluruhan, dapatan mengesahkan kecerdasan sosial berteraskan nilai kolektif Islam dan teori moden saling melengkapi dalam meningkatkan keberkesanan pentadbiran akademik yang lebih empatik, inklusif dan profesional.

Rumusan

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap aplikasi kecerdasan sosial dalam kalangan pentadbir akademik berdasarkan dua pendekatan utama, iaitu konsep '*Asabiyyah* yang diperkenalkan oleh Ibn Khaldun dan model kecerdasan sosial oleh Daniel Goleman. Kajian ini juga meneliti hubungan serta pengaruh kedua-dua bentuk kecerdasan sosial tersebut terhadap keberkesanan pentadbiran akademik. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kuantitatif dengan pendekatan tinjauan melalui soal selidik yang melibatkan seramai 128 orang responden dari kalangan pentadbir akademik di sebuah universiti awam Malaysia. Berdasarkan analisis deskriptif terhadap objektif pertama dapatan menunjukkan bahawa tahap aplikasi kecerdasan sosial berdasarkan konsep '*Asabiyyah* adalah sangat tinggi. Sebahagian besar

responden menunjukkan persetujuan terhadap nilai-nilai kolektif seperti semangat berpasukan, kesetiaan kepada organisasi, keutamaan terhadap perpaduan, dan budaya saling mempercayai. Sebagai contoh, 78.9% responden menyatakan sangat setuju terhadap pernyataan "Saya mengutamakan semangat berpasukan dalam setiap tugas pentadbiran", manakala 79.7% menyatakan sangat setuju terhadap pernyataan "Saya menggalakkan budaya tolong-menolong dan saling mempercayai antara staf". Dapatan ini menunjukkan bahawa nilai-nilai yang terkandung dalam *'Asabiyyah*, seperti solidariti sosial dan kepentingan bersama, masih diamalkan dalam konteks pentadbiran akademik moden (Ibn Khaldun, 2005; Alatas, 2011). Penemuan ini selaras dengan kajian Harun dan Osman (2018) yang menyatakan bahawa pemimpin yang mengamalkan semangat kolektif mampu memperkukuh struktur sosial organisasi. Manakala tahap aplikasi kecerdasan sosial berdasarkan model Daniel Goleman, dapatan menunjukkan bahawa tahap tersebut juga adalah tinggi. Responden menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi terhadap pernyataan-pernyataan berkaitan empati, kesedaran sosial, keprihatinan terhadap kebajikan rakan sekerja, dan komunikasi terbuka. Sebagai contoh, 96.1% responden menyatakan setuju atau sangat setuju bahawa mereka dapat menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi sosial di tempat kerja. Dapatan ini mengesahkan bahawa pentadbir akademik memiliki kompetensi sosial yang kukuh sebagaimana digariskan oleh Goleman (2006). Penemuan ini disokong oleh kajian Sidek et al. (2020), Baharudin dan Ismail (2021), dan Zulkifli dan Ishak (2021) yang mendapati bahawa kecerdasan sosial memainkan peranan penting dalam membina budaya kerja yang kolaboratif dan inklusif dalam institusi pendidikan tinggi. Objektif kedua, analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara kecerdasan sosial berasaskan *'Asabiyyah* dengan keberkesanan pentadbiran akademik ($r = .400$, $p < .001$). Ini bermakna, semakin tinggi pengamalan nilai-nilai kolektif seperti yang digariskan oleh Ibn Khaldun, semakin tinggi tahap keberkesanan pentadbiran. Oleh itu, hipotesis nol H_{03} ditolak dan hipotesis alternatif H_{13} diterima. Dapatan ini konsisten dengan kajian oleh Zakaria dan Mohd Noor (2019), serta Rahman dan Halim (2021), yang menegaskan bahawa pengurusan yang bersifat kolektif dan berasaskan nilai sosial mampu membentuk kepimpinan yang berkesan dan beretika. Bagi keputusan korelasi juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara kecerdasan sosial berdasarkan model Goleman dan keberkesanan pentadbiran akademik ($r = .567$, $p < .001$). Ini menunjukkan bahawa dimensi seperti empati, kesedaran sosial, dan kemahiran komunikasi memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan seseorang pentadbir. Hipotesis nol H_{04} ditolak dan hipotesis alternatif H_{14} diterima. Penemuan ini sejajar dengan kajian oleh Ismail dan Khalid (2020), serta Zulkifli dan Ishak (2021) yang

menyatakan bahawa kecerdasan sosial merupakan komponen utama dalam kepimpinan akademik yang inklusif dan efisien. Akhir sekali, objektif ketiga dan hipotesis H_{03} menilai pengaruh serentak kecerdasan sosial Ibnu Khaldun dan Goleman terhadap keberkesanan pentadbiran akademik. Analisis regresi berganda menunjukkan bahawa kedua-dua bentuk kecerdasan sosial memberikan sumbangan yang signifikan secara bersama terhadap keberkesanan pentadbiran akademik dengan nilai $R^2 = 0.462$. Ini bermakna, 46.2% varians keberkesanan pentadbiran akademik boleh dijelaskan oleh kedua-dua jenis kecerdasan sosial tersebut. Oleh itu, hipotesis nol H_{03} ditolak dan hipotesis alternatif H_{13} diterima. Dapatan ini mengesahkan bahawa gabungan nilai-nilai kolektif Islam dan kecerdasan sosial moden membentuk kerangka kepimpinan yang lebih menyeluruh dan berkesan dalam pengurusan institusi pendidikan tinggi (Goleman, 2006; Ibn Khaldun, 2005). Secara keseluruhannya, ketiga objektif kajian telah dicapai, dan dua hipotesis nol telah ditolak. Ini membuktikan bahawa kecerdasan sosial merupakan faktor penting dalam menentukan keberkesanan pentadbiran akademik. Kajian ini turut menyumbang kepada pembangunan teori dengan mengintegrasikan dua pendekatan berbeza tradisional Islam dan psikologi kontemporari yang terbukti saling melengkapi dalam membina kepimpinan yang holistik, seimbang, dan beretika. Oleh itu, kajian ini menyediakan asas kukuh untuk diterokai dalam pembangunan dasar, latihan kepimpinan dan penyelidikan lanjut yang lebih bersifat lintas disiplin serta kontekstual dengan cabaran pendidikan tinggi masa kini.

References

- Abdullah, S. and Talib, N. M. (2023). Kecemerlangan tamadun islam di andalus berdasarkan teori 'umran ibn khaldun. *E-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 20(3). <https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2003.31>
- Abdullah, S. (2014). Preserving the iron craftsmanship in Pekan Darat based on theory of malakah by Ibn Khaldun. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. Vol. 7. No. 2. 212-230.
- Abdussalam, Aam. (2014). "Teori Sosiologi Islam Kajian Sosiologis Terhadap Konsep-Konsep Sosiologi Dalam Alquran." *Jurnal Pendidikan Agama Islam Ta'lim* 12(1):25-40.
- Ab Majid, M. K. (1999). Ulama dan Perubahan Sosial dalam Islam. *Jurnal Usuluddin*, 10, 81-112. Retrieved from <https://jupidi.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/3777>
- Abidin, A. Z. Kajian kemasyarakatan dan ketamadunan (ilmu 'umran) menurut perspektif usuluddin: Tumpuan analitis terhadap Muqaddimah Ibn Khaldun. Dalam Baharuddin, A. et al (2009). *Ibn Khaldun: Pemikiran Ibn Khaldun & relevansinya dalam tamadun kontemporari*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya & Universiti Putra Malaysia. 171-208.

Abu Yunus, Iman (2020) Social intelligence and its relationship to critical thinking and quality of life Teachers of the basic education stage in Khan Yunis governoratean unpublished master's thesis, the Islamic University, Gaz.

Ahamad, Haslina (2013) : Kecerdasan Emosi dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Teknik Kementerian Pendidikan Malaysia Berdasarkan Model Dulewicz dan Higg's Master thesis, Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia

Ahmad, S., & Zainal, M. (2020). "Transparency and Job Satisfaction among Civil Servants in Malaysia." *Asian Journal of Administrative*
Albrecht, K. (2006). *Social intelligence: The new science of success*: John Wiley & Sons.

Ali, N. A., & Ismail, A. (2021). Leadership styles and academic administration effectiveness in Malaysian higher education. *Journal of Education and e-Learning Research*, 8(1), 78-85.

Alimin, A. (2024). *Membangun Budaya Kerja Inklusif dan Multikultur*. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/387021434>

Ahmad, A. R., & Ghazali, M. (2019). Transformational leadership practices among academic leaders and its relationship with organizational commitment. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(6), 771–783.

Ahmad, A. R., & Wahab, N. A. (2021). *Leadership, organizational culture and effectiveness of academic governance in Malaysian public universities*. *International Journal of Higher Education*, 10(4), 143–152.

Alatas, S. F. (2011). *Applying Ibn Khaldun: The Recovery of a Lost Tradition in Sociology*. Routledge.

Alias Abdul Rahman, Masilamani (2001). Understanding IS Services, Prosiding International Conference On Information Technology & Multimedia, UNITEN.

Allport, G.W. (1997). *Personality: A psychological interpretation*.<https://doi.org/https://dx.doi.org/10.5840/zfs193871/275>